

13/01/1998

Amerika tidak pujuk Malaysia terima IMF

Faizal Fadzil; Shamsul Azree Shamsir

KUALA LUMPUR, Isnin - Amerika Syarikat tidak berusaha memujuk Malaysia untuk menerima bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana menghormati keyakinan negara memulihkan ekonomi tanpa bantuan institusi berkenaan.

Setiausaha Pertahanannya, William Cohen, berkata beliau tidak memujuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk menerima bantuan berkenaan dalam pertemuan mereka hari ini.

Ini kerana beliau berpendapat, hak untuk menerima bantuan institusi kewangan antarabangsa itu bergantung kepada negara itu sendiri.

"Jika ia tidak mahu menerimanya kerana yakin dapat memulihkan ekonomi sendiri, kita menerima pendirian itu," katanya dalam sidang akhbar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas hari pertama Dialog Pasifik, di sini hari ini.

Mengenai kemungkinan Amerika memberi bantuan langsung kepada Malaysia tanpa menerusi IMF, Cohen berkata negaranya tidak mungkin berbuat demikian kerana bantuan hanya disalurkan menerusi tabung berkenaan.

Di samping itu, Cohen berkata Amerika berikrar meneruskan komitmen ketenteraan di rantau Asia Tenggara untuk mengekalkan kestabilannya bagi membolehkan negara di rantau ini memberi tumpuan terhadap usaha pemulihan ekonomi.

Beliau juga menolak kemungkinan sentimen anti-Amerika akan wujud di rantau ini berikutan tindakan IMF mengenakan pelbagai syarat ketat apabila menawarkan bantuan.

"Walaupun kemungkinan itu wujud, tetapi pada masa ini, berasaskan perbincangan dengan peserta Dialog Pasifik dan juga rakan di rantau ini menunjukkan wujudnya sokongan kuat terhadap kehadiran Amerika di rantau ini, di samping usaha mengukuhkan hubungan ini.

"Saya rasa sentimen itu akan terus kukuh. Mereka menghargai langkah Amerika yang dianggap sebagai jaminan bagi memastikan kestabilan serantau yang menjadi harapan terbaik bagi mereka untuk kembali pulih semula pada masa depan.

"Saya berharap masalah ekonomi ini bersifat sementara dan kami percaya kehadiran Amerika adalah faktor yang produktif dalam usaha untuk membantu dalam usaha pemulihan semula kemakmuran dan kestabilan ekonomi serantau," katanya Beliau mengulas pandangan beberapa pihak di Amerika, termasuk bekas Setiausaha Negara, Henry Kissinger, yang khuatir akan wujud sentimen anti-Amerika berikutan tindakan IMF mengenakan syarat ketat yang dianggap menekan apabila memberi bantuan kewangan.

Sementara itu mengulas komitmen Amerika, Anwar berkata wujud konsensus di kalangan negara Asean untuk menyokong peranan Amerika di rantau ini.

Mengenai China, beliau berkata Malaysia tidak menganggap China sebagai ancaman terhadap rantau ini.

"Kita terus mengamalkan dasar membina hubungan yang baik dengan negara itu," katanya.

(END)